



Strategi halus Syiah

■ Gerakan makin berani hingga ceramah dari rumah ke rumah

Tuan Asri Tuan Hussein,
Yusmizal Dolah Aling
dan Syazwan Msar
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

P enampilan kemas, rupa paras yang segar, tawaran bantuan kewangan dan ceramah dari rumah ke rumah adalah modus operandi terbaharu digunakan golongan Syiah untuk meyakinkan orang ramai bahawa agama mereka benar dan diterima di sisi Allah.

Pendedahan mengejutkan itu ketika isu penularan Syiah di negara ini seakan-akan sudah dilupakan sejak dua tahun kebelakangan ini sedangkan gerakan sesat dan terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah itu semakin aktif dan bergerak bebas tanpa sebarang sekatan, terutama daripada pihak berkuasa.

Jika sebelum ini tawaran

untuk mendekati keluarga, dan kemudian disebarkan ke dalam masyarakat secara perlahan-lahan," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Selain itu katanya, dia juga dimaklumkan mengenai fahaman Syiah sudah menular ke dalam sistem pendidikan negara apabila ada tenaga pengajar yang menggunakan ruang di dalam kelas untuk menyebarkan gerakan Syiah di negara ini.

Menurutnya, tiga negeri yang begitu popular dengan penularan Syiah ialah Kedah, Selangor dan Johor kerana di sinilah mempunyai potensi pengembangan agama yang mempunyai ramai orang.

"Di ketiga-tiga negeri ini kalau cerita bab agama, kuliah pengajian, memang akan penuh dengan orang yang mencari ilmu. Di sinilah ruang yang digunakan untuk menyebarkan Syiah. Mereka tidak boleh berkembang jika tidak ada orang

hari ini ia tidak lagi diajar di sekolah atas pelbagai alasan.

"Jadi dengan alasan itulah dalam kita menitikberatkan Sifat 20 ini, peluang ini digunakan mereka sebagai strategi mereka masuk ke sekolah dan bercerita mengenai Israk dan Mikraj itu sebagai kisah dongeng dan sebagainya," katanya.

Don Daniyal berkata, tindakan begitu adalah dakyah halus yang dibawa puak Syiah sedangkan peristiwa berkenaan secara jelas diceritakan di dalam al-Quran dan tidak pernah dipertikaikan mana-mana pihak sebelum ini.

Katanya, penyebar Syiah ini juga tahu bahawa proses untuk menjadikan seseorang itu agresif dan menerima apa yang disampaikan

kan bukan mengambil masa sehari dua, malah bertahun-tahun seiring dengan usia.

"Menjadi fitrah manusia untuk mengikut mereka yang lebih tinggi dan kuat. Jadi dalam pendidikan, sudah tentu murid akan mengikut kata cikgu dan lamakelamaan disebabkan tiada pilihan, mereka akan menerimanya sebagai sesuatu yang benar," katanya.

Bukan itu saja, Syiah juga mempunyai unsur-unsur militan seperti yang dibawa Daish dan Millah Abraham berdasarkan kaedah yang digunakan iaitu menghalalkan tindakan agresif diambil kepada sesiapa yang menentang mereka.

"Baginda Nabi SAW pun pernah bersabda Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah di mana aku dan sahabatku berada di dalamnya. Ajaran sesat yang lain juga tidak mengamalkan sistem Islam, jadi samalah dengan Daish," katanya.

Selain itu katanya, di dalam forum yang sama, seorang daripada panel berkongsi kisahnya menikahi seorang pengikut Syiah tanpa mengetahui akidah isterinya sehinggalah wanita itu memohon cerai kerana ingin mengikut gurunya kononnya untuk meningkatkan iman.

"Jadi persoalan Syiah di Malaysia hari ini tidak boleh dipandang ringan kerana mereka akan mencuba sebarang upaya, menggunakan apa saja untuk merealisasikan hasrat mengangkat Syiah di negara ini.

"Perlu ada nota ringkas kepada masyarakat mengenai ciri ajaran sesat bagi membolehkan masyarakat sedar bahaya Syiah ketika ini dan kita sedang berada di dalam zaman yang begitu mencabar. Kemudian kita perlu susuli dengan kesedaran berterusan di dalam masyarakat, bukan hanya dalam tempoh tertentu," katanya.

“

Lama-kelamaan isu ini dipandang sepi sedangkan mereka

Jika sebelum ini tawaran nikah mutaah menjadi tarikan utama untuk mengembangkan fahaman itu, namun selepas heboh diperkatakan masyarakat, mereka mengubah strategi dengan mula mendekati masyarakat dengan memberikan pelbagai bantuan, khususnya kepada yang kurang berkemampuan.

Mendedahkan taktik itu, Pengurus Besar Kuisceell Sdn Bhd Don Daniyal Don Biyajid berkata, ia strategi halus digunakan puak Syiah untuk mengumpan orang ramai, termasuk golongan profesional berstatus orang kenamaan untuk menerima ajaran mereka sebagai cara hidup Islam yang sebenar.

"Dulu memang heboh di sana sini orang bercakap mengenai Syiah sehingga mereka begitu terkesan dengan pelbagai sekatan dilakukan, terutama oleh pihak berkuasa agama.

"Namun lama-kelamaan isu ini dipandang sepi sedangkan mereka masih lagi aktif untuk mencari pengikut baharu, mengukuhkan rangkaian dan melebarkan pengaruh di negara ini untuk mencapai matlamat membangunkan Syiah di Malaysia.

"Golongan Syiah ini menggunakan hubungan baik dengan seseorang

yang mahu agama," katanya yang turut mengakui ia menyerupai dakyah memurtadkan umat Islam sebelum ini.

Katanya, perkara itu pernah dikongsikan Mufti Kedah Datuk Sheikh Baderudin Ahmad dalam satu majlis agama beberapa tahun lalu dan ternyata ia begitu mengejutkan kerana ia bermula seawal zaman sekolah lagi.

"Kita kena ingat, dari segi strategi, mereka ini juga bijak kerana tahu bagaimana proses yang membentuk manusia hari ini. Kita tahu sistem pendidikan kita zaman dulu hanyalah Syifat 20, tetapi

sedangkan mereka masih lagi aktif untuk mencari pengikut baharu, mengukuhkan rangkaian dan melebarkan pengaruh di negara ini untuk mencapai matlamat membangunkan Syiah di Malaysia"

Don Daniyal

katanya.

Harian metro

15/7/16

m156

